



GAJAH (யானை) DALAM PERIBAHASA TAMIL: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

(Elephant (யானை) in Tamil Proverbs: Inquisitive Semantics Analysis)

Tangaprabu Murthy^{1*}, Mary Fatimah Subet¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: tangaprabu@gmail.com

Received: 29 May 2020 • Accepted: 26 October 2020 • Published: 31 October 2020

Abstract

The culture and the intellect of the community can be seen through figurative language, especially proverbs. However, society is less aware of the culture elements that are hidden behind each proverbs. Therefore, This study was conducted to identify the implicit meaning of the Tamil proverbs with the image of an elephant (yanai) and to look at the cultural influence and intellect of the community analyzed using the inquisitive semantic approach introduced by Nor Hashimah Jalaluddin. Fifteen informants were selected and interviewed via NORF sampling leading to Non-Mobile, Older, female and NORM which is Non-Mobile, Older, Male. The results show that each proverb is used based on several factors such as history, religion, culture and so on. In fact, the results also indicate that there is a high degree of intellect in the creation of this elephant-inspired proverbs.

Keywords: Tamil proverbs, inquisitive semantics, Indian community, animal, elephant (yanai)

Abstrak

Budaya dan akal budi sesebuah masyarakat dapat dilihat melalui bahasa kiasan contohnya peribahasa. Walau bagaimanapun, masyarakat kurang mengetahui unsur budaya yang tersembunyi di sebalik setiap penciptaan sesebuah peribahasa. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti makna implisit di sebalik peribahasa Tamil yang mempunyai imej gajah (yanai) dan melihat pengaruh budaya serta akal budi masyarakat India. Kajian ini menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin bagi menganalisis datanya. Lima belas orang informan yang dipilih dan ditemu bual secara mendalam melalui persampelan bertujuan. Pemilihan informan adalah secara NORF iaitu merujuk kepada Non Mobile, Old, Remote dan Female dan NORM merujuk kepada

Non-mobile (tinggal tetap), Older (tua), Rural (luar bandar), Male (lelaki). Hasil kajian mendapati bahawa setiap peribahasa digunakan berdasarkan beberapa sebab seperti sejarah, agama, budaya dan sebagainya. Malah, hasil turut menunjukkan bahawa terdapat unsur akal budi yang tinggi dalam penciptaan peribahasa yang berunsur gajah ini.

Kata kunci: Peribahasa Tamil; semantik inkuisitif; masyarakat India; haiwan; gajah (yanai)

Cite as: Murthy, T., Subet, M. F. (2020). Gajah (*ஐந்தெருது*) dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif, *Asian People Journal*, 3(2), 134-146.

PENDAHULUAN

Peribahasa sebenarnya mempunyai pelbagai fungsi. Contohnya, peribahasa digunakan sebagai peringatan, nasihat dan kritikan serta amaran untuk tujuan kebaikan kepada seseorang. Oleh hal yang demikian, masyarakat India juga gemar menggunakan peribahasa Tamil yang dalam percakapan seharian baik di negara India mahupun di Malaysia. Seperti peribahasa Melayu, peribahasa Tamil juga meliputi simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah yang merupakan sebahagian daripada warisan orang India yang perlu dipelihara kerana kaya dengan nilai-nilai positif dan menjadi sebahagian daripada usaha untuk memartabatkan bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, kajian terhadap peribahasa Tamil adalah kurang dijalankan di Malaysia jika dibandingkan dengan kajian peribahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini menjurus kepada penerokaan makna di sebalik penggunaan peribahasa Tamil yang mempunyai imej haiwan iaitu gajah secara lebih mendalam. Kajian ini akan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014).

SOROTAN LITERATUR

Antara pengkaji lepas yang menjalankan kajian mengenai peribahasa Tamil ialah Beck (1979), Percival (1996), Geetha dan Kamatchi (2010), Ragavan dan Salleh (2015) serta Sellvaraj dan Annamalai (2019). Kebanyakan pengkaji ini menjuruskan kajian mereka pada makna harfiah dari aspek-aspek yang berbeza. Melihat kajian Ragavan dan Salleh (2015) lebih terarah kepada perbandingan peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil untuk menampakkan persamaan serta perbezaan antara kedua-dua bahasa dalam aspek sosial. Persamaan itu dilihat melalui tiga aspek sosial iaitu aspek tingkah laku, pemikiran, serta nilai murni. Semua peribahasa yang dipilih mempunyai makna yang hampir sama dalam kedua-dua bahasa. Namun begitu, kajian ini hanyalah terhad kepada perbandingan antara dua peribahasa sahaja. Kajian sebegini dinamakan sebagai kajian semantik skrip.

Bagi kajian ini pula, pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014). Kajian semantik inkuisitif terus mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji terkini contohnya, Jalaluddin (2014), Daud (2017; 2018a; 2018b; 2018c; 2020), Subet dan Nasir (2019) serta Daud dan Subet (2019a; 2019b; 2019c; 2019d). Dari sorotan kajian lepas kajian peribahasa yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif ini lebih terarah kepada peribahasa Melayu. Contohnya, kajian Mansor dan Jalaluddin (2016) menumpukan kepada bidang semantik inkuisitif tetapi, kajian ini mengambil data bahasa kiasan yang merangkumi